



PR1MA COMMUNICATIONS DAN CITAGLOBAL TEROKA KERJASAMA STRATEGIK PERKUKUH INFRASTRUKTUR DIGITAL KOMUNITI PR1MA

KUANTAN, 11 Oktober 2025 – Dalam usaha memperkasa transformasi digital dalam sektor perumahan mampu milik, PR1MA Communications Sdn. Bhd. (PCSB), anak syarikat milik penuh Perbadanan PR1MA Malaysia, hari ini menandatangani Memorandum Penerokaan Kerjasama Perniagaan (*Memorandum of Business Exploratory* - MOBE) bersama Citaglobal Telecommunication Sdn. Bhd. (Citaglobal Telecommunication), anak syarikat Citaglobal Berhad.

MOBE ini merupakan langkah strategik yang menandakan permulaan kerjasama antara dua entiti telekomunikasi berlesen di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Melalui kerjasama strategik ini, PCSB dan Citaglobal Telecommunication akan meneroka potensi kolaborasi dalam pembangunan infrastruktur telekomunikasi, penyediaan jalur lebar berkelajuan tinggi serta penerapan teknologi digital baharu dalam komuniti kediaman PR1MA di seluruh negara.

Kerjasama ini membuka peluang kepada pelaksanaan penyelesaian menyeluruh dalam bidang telekomunikasi, di mana setiap pembangunan PR1MA berpotensi dilengkapi rangkaian digital moden sejak peringkat awal pembinaan. Usaha ini bukan sahaja memastikan akses Internet berkelajuan tinggi untuk penduduk, malah memperkukuh kesiapsiagaan digital komuniti PR1MA bagi menyokong gaya hidup moden berasaskan teknologi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Anggota Perbadanan PR1MA, Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff berkata, “Pemeteraian MOBE ini mencerminkan komitmen PR1MA dalam membawa pembangunan perumahan mampu milik agar lebih progresif dan berdaya saing. Ia bukan sekadar kerjasama antara dua entiti, tetapi langkah konkrit ke arah merealisasikan matlamat PR1MA untuk membentuk komuniti yang memiliki kediaman berkualiti, berdaya huni dan terhubung dengan teknologi masa kini.”

Lebih daripada sekadar penyediaan sambungan Internet, MOBE ini turut mencerminkan hasrat bersama kedua-dua pihak untuk membangunkan komuniti pintar melalui pengenalan sistem dan kemudahan digital seperti rumah pintar, sistem keselamatan berteknologi tinggi serta platform pengurusan komuniti bersepadu. Kedua-dua syarikat akan memanfaatkan kepakaran teknikal, sumber dan pengalaman masing-masing untuk mempercepatkan pelaksanaan inisiatif digital yang selaras dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus, selain menyokong agenda pendigitalan nasional kerajaan.

MOBE ini menandakan langkah penting PR1MA dalam memperkukuh nilai tambah kepada penawaran perumahannya dengan mengintegrasikan elemen digital dalam kehidupan harian penduduk. Inisiatif ini juga sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI, khususnya teras Kesejahteraan, Kemampunan dan Daya Cipta, yang menekankan keseimbangan antara

pembangunan fizikal dan kemajuan teknologi.

Pemeteraian MOBE ini diadakan bersempena Majlis Pelancaran Residensi D'Marina Fasa 2B, pembangunan kediaman mampu milik oleh PR1MA dan Citaglobal Property Development Sdn. Bhd. Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat mencemar duli ke majlis ini yang berlangsung di Residensi D'Marina, Kuantan, Pahang pada hari ini.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Huda Zafirah A Rashid (huda.zafirah@pr1ma.my / +6013 444 1189)
Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013 702 9740)